

Surat khabar: Berita Harian (Kembara Siswa Varsity)

Hari/Tarikh: 20/6/2013

Muka surat: V9

Tajuk : Pelajar UNIMAS Teruja.

## Pelajar UNIMAS teruja

**Lundu:** Mahasiswa Universiti Malaysia Sarawak (UNIMAS) mendapat pengalaman baru melihat bunga Rafflesia ketika melaksanakan kerja lapangan

di Taman Negara Gading, di sini. Penyelaras kursus, Jamilah Jamel, berkata kumpulan 96 pelajar program Sains Pengurusan Sumber Tumbuhan, Fakulti



**Pelajar UNIMAS** teruja melihat bunga Rafflesia mengembang di Taman Negara Gading.

Sains dan Teknologi Sumber itu berkunjung ke taman negara berkenaan bagi mengukuhkan kemahiran mengenal pasti kepelbagaian tumbuhan.

Penemuan bunga gergasi yang baru mengembang, katanya, membuatkan aktiviti kerja lapangan berkenaan lebih bermakna kerana saat itu sukar ditemui.

### Tidak sengaja

“Kami melihat bunga Rafflesia yang baru mengembang malam sebelumnya secara tidak sengaja.

“Bunga gergasi dengan diameter 75 sentimeter itu mempunyai lima kelopak tebal berwarna merah dan oren.

“Spesies bunga yang diwartakan sebagai tumbuhan perlindungan di bawah Ordinan Hidupan Liar Sarawak itu antara tarikan utama industri ekopelancongan,” katanya.